

08/07/2001

30 peratus rakyat ahli Barisan Nasional

BARISAN Nasional (BN), parti gabungan 13 parti komponen yang ditubuhkan pada 1974, kini mempunyai 5,681,794 ahli.

Setiausaha Agungnya, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata BN adalah gabungan parti tertua dan terbesar di Malaysia malah ia juga adalah satu daripada parti tertua yang mengamalkan demokrasi di dunia.

"Kita sebenarnya mewakili kira-kira 30 peratus daripada jumlah rakyat Malaysia pelbagai kaum dan hampir 50 peratus daripada jumlah pengundi berdaftar dalam pilihan raya adalah penyokong BN.

"Inilah kekuatan yang ada pada kita sebenarnya," katanya dalam ucapan alu-aluan di Konvensyen Barisan Nasional yang bertemakan "Barisan Nasional tonggak keutuhan negara" di sini, semalam.

Beliau berkata, BN yang dahulunya dianggotai 14 parti komponen kini menjadi 13 parti selepas Parti Keadilan Rakyat Sabah (Akar) dibubar pada 20 Mei lalu dan anggotanya digabungkan dalam Umno.

"Syabas kepada bekas Presidennya, Datuk Pandikar Amin Mulia dan ahlinya yang sanggup berkorban demi keutuhan BN di Sabah," katanya.

Mohamed berkata, konvensyen itu turut melancarkan buku dan video bertajuk 'Mengimbangkan hak antara kaum' yang turut menjadi matlamat perjuangan BN seterusnya.

Konvensyen sehari itu dimulakan dengan upacara menaikkan bendera BN dan nyanyian lagu parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diiringi Timbalan Pengerusi, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Mohamed menyempurnakan upacara itu di tepi pentas utama Dewan Merdeka, PWTC.

Konvensyen itu dimulakan pada jam 9.15 pagi dan dihadiri lebih 3,400 perwakilan daripada 13 parti komponen BN di seluruh negara.

(END)